



# PERTANDINGAN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD (FNHB) & MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP) 2017

ANJURAN:  
**FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD**  
&  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**



Keluaran Urusetia Local Action 21 (LA 21)  
Majlis Perbandaran Seberang Perai  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam.  
Tel: 04 5497555 Faks: 04 5389700

[www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my)

Dengan Kerjasama  
**Pejabat Pelajaran Pulau Pinang**

**Keluaran Urusetia Local Action 21 (LA21)**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai



## 1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Fraser & Neave Holdings Bhd (F&NHB) & Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 2017 dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Pulau Pinang (JPNPP). Pertandingan merupakan salah satu daripada projek komuniti FNHB untuk tahun 2017.
- 1.2 Pertandingan dianjurkan bersama MPSP pada kali pertama.
- 1.3 Penyertaan adalah terbuka kepada semua sekolah kerajaan dan swasta di bawah pentadbiran MPSP.  
Kempen akan dilangsungkan selama 6 bulan bermula 1hb Mac 2017 dan berakhir pada 31hb Ogos2017.

## 2. OBJEKTIF PERTANDINGAN

- 2.1 Meningkatkan pengetahuan para pelajar sekolah tentang kepentingan mengitar semula yang merangkumi 4R iaitu Rethink atau Fikir Sebelum Lakukan Sesuatu Perbuatan, Reduce atau Kurangkan, Reuse atau Guna Semula dan Recycle atau Kitar Semula.
- 2.2 Memupuk dan meneruskan semangat dan amalan kitar semula di kalangan pelajar khususnya dan masyarakat amnya.
- 2.3 Menyemai perubahan tigkahlaku (behavioral change) positif secara berterusan kepada para pelajar khususnya mengenai kitar semula.
- 2.4 Menyahut seruan kerajaan untuk bersama-sama meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan amalan kitar semula.

## 3. KUMPULAN SASARAN

- 3.1 Sekolah kerajaan dan swasta di bawah kawasan pentadbiran MPSP.



#### **4. KATEGORI PERTANDINGAN**

- 4.1 Pertandingan dibahagikan kepada dua (2) kategori:  
Kategori I : Sekolah Rendah  
Kategori II: Sekolah Menengah

#### **5. PENGUTIPAN BAHAN KITAR SEMULA**

- 5.1 Pengutipan dan penimbangan bahan kitar semula akan dilakukan oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak sekolah dan perlu disahkan oleh MPSP. Buku log akan digunakan untuk memastikan ketelusan proses kutipan dan penimbangan bahan kitar semula. Laporan Jualan perlu dikemukakan kepada MPSP untuk direkodkan.
- 5.2 Guru bertugas/sekolah dan murid-murid digalakkan menggunakan kreativiti tersendiri untuk memperbanyakkan pengumpulan bahan-bahan kitar semula selagi ianya tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang.
- 5.3 Guru bertugas perlu menghubungi kontraktor yang dilantik untuk mengatur tarikh dan masa kutipan mengikut kesesuaian tersendiri.
- 5.4 Hasil jualan barang kitar semula akan dibayar terus kepada guru bertugas/sekolah oleh kontraktor yang dilantik sebaik sahaja setiap kutipan dan penimbangan selesai mengikut kadar/harga pasaran semasa.
- 5.5 Guru bertugas dinasihatkan supaya menyimpan rekod timbangan dan memastikan harga dan pembayaran oleh kontraktor adalah seperti harga semasa pasaran yang dipersetujui.



## 6. BAHAN-BAHAN YANG DITERIMA BAGI TUJUAN MENENTUKAN PEMENANG

- i. Aluminium
- ii. Plastik
- iii. Kertas
- iv. Kotak Minuman

(Nota : Berat minimum yang diperlukan bagi penentuan pemenang Hadiah Khas Kotak Minuman ialah 100 kg)

## 7. PEMENANG

Pemenang-pemenang (berdasarkan struktur hadiah yang ditawarkan dalam butiran 8) akan dipilih berdasarkan jumlah purata tertinggi\* kutipan keseluruhan bahan kitar semula (dalam unit kg) yang dikira sahuntuk pertandingan ini.

\***Jumlah purata tertinggi bermaksud jumlah kutipan (kg) dibahagikan dengan jumlah pelajar sekolah yang disahkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah berkenaan.**

**Jumlah P. tertinggi = jumlah kutipan keseluruhan  
(alum,plas,kerts &k.min)  
Jumlah pelajar sekolah**



## 8. HADIAH

### 8.1 Hadiah Utama

Kedudukan	Kategori I Sekolah Rendah (RM)	Kategori II Sekolah Menengah (RM)
Pertama	1,400	1,400
Kedua	1,300	1,300
Ketiga	1,200	1,200
Keempat	1,100	1,100
Kelima	1,000	1,000

### 8.2 Hadiah Saguhati

Kedudukan	Kategori I Sekolah Rendah (RM)	Kategori II Sekolah Menengah (RM)
Keenam hingga Kesepuluh	300	300

### 8.3 Hadiah Khas

Sekolah Rendah & Sekolah Menengah
Anugerah khas kutipan aluminium tertinggi RM 700
Anugerah khas kutipan plastik tertinggi RM 700
Anugerah khas kutipan kotak minuman tertinggi RM 700



## 9. PERTANYAAN/MAKLUMAT LANJUT

- 9.1 Satu sesi taklimat mengenai pertandingan diadakan untuk sekolah-sekolah pada bulan Februari 2017.
- 9.2 Jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai pertandingan, guru bertugas/wakil sekolah yang dilantik boleh menhubungi pegawai-pegawai dari MBSP dan juga FNHB seperti berikut:

**En. Chew Eng Seng, 012-4779330,  
email: eschew@mpsp.gov.my**

**En Rizal Abd Rahman, 012-2585445,  
email: rizal@fn.com.my**

## 10. BUTIRAN DAN SYARAT- SYARAT PERTANDINGAN

- 10.1 Bahan-bahan yang diterima untuk pertandingan kempen kitar semula ialah aluminium, plastik dan kertas dan kotak minuman sahaja. Bahan-bahan lain seperti besi atau kaca dan lain-lain juga diterima tetapi tidak akan dikira sebagai bahan-bahan bagi tujuan menentukan pemenang-pemenang pertandingan.
- 10.2 Setiap sekolah yang mengambil bahagian perlu bekerjasama dengan pihak penganjur/urusetia dari FNHB, MPSP dan kontraktor yang dilantik bagi menetapkan hari kutipan dan timbangan bahan kitar semula.
- 10.3 Selain jadual kutipan dan timbangan oleh pihak kontraktor, sekolah yang terliba boleh menghantarkan bahan kitar semula ke Pusat Kitar Semula lain (sekiranya ada) yang ditetapkan oleh pihak MPSP.



- 10.4 Hanya pihak kontraktor yang dilantik secara rasmi oleh pihak pengajur sahaja dibenarkan untuk membuat kutipan dan timbangan semasa kempen dilangsungkan.
- 10.5 Untuk penyelarasan jadual kutipan dan timbangan yang teratur, pihak sekolah diminta untuk menghubungi terus kontraktor dilantik seperti di Lampiran1. Sekiranya pihak kontraktor gagal dihubungi, pihak sekolah boleh berhubung terus dengan pegawai dari MPSP atau FNHB seperti butiran 9.2.
- 10.6 Jadual kutipan akan bermula **1hb Mac 2017** dan ditutup pada **31hb Ogos,2017** pada **pukul 5.00 petang**. Kutipan selepas 5.00 petang, 31hb Ogos, 2017 tidak akan dikira sebagai bahan pertandingan.
- 10.7 Pihak pengajur akan menghubungi pemenang-pemenang melalui saluran berkenaan pada satu tarikh yang dianggap sesuai oleh pihak pengajur.
- 10.8 Satu acara penyampaian hadiah akan diadakan selepas pertandingan tamat dan butiran lanjut akan dimaklumkan kepada sekolah-sekolah yang terlibat kelak.
- 10.9 **Borang penyertaan yang lengkap** mestilah dikirimkan melalui Pengetua sekolah ke alamat berikut pada atau **sebelum 5:00 petang,28 Februari,2017**

**Urusetia Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah FNHB & MBSP 2017**

**MajlisPerbandaranSeberangPerai,  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,  
14000, Bukit Mertajam  
FakNo : 04-5389700  
Email : kemasyarakatan@mpsp.gov.my**



- 10.10 Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup dianggap tidak sah.
- 10.11 Pihak pengajur berhak menukar mana-mana syarat pertandingan pada bila-bila masa. Segala keputusan pengajur mengenai pertandingan adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

**PERTANDINGAN KITAR SEMULA PERINGKAT SEKOLAH  
FRASER & NEAVE HOLDING BHD (FNHB)&  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP) 2017**

Borang Penyertaan

Nama Sekolah	
Bilangan Murid	
Nombor Telefon Sekolah	
E-mail Sekolah	
Nama Guru:	
Nombor Telefon Guru :	1
	2
Alamat E-mail :	1
	2
Tandatangan Guru :	
Tandatangan Guru Besar :	
Tarikh :	

• Untuk sebarang penerangan/pertanyaan, sila hubungi :-

1. **Encik Chew Eng Seng**  
Tel No : 012 4779330  
e-mail : [eschew@mpsp.gov.my](mailto:eschew@mpsp.gov.my)
2. **Encik Rizal Abd. Rahman**  
Tel No : 012-2585445  
e-mail : [rizal@fn.com.my](mailto:rizal@fn.com.my)